

Jumlah koperasi terbiar kecil – Khaled *Um-23/7/2006*

KUALA LUMPUR 22 Julai – Masalah koperasi terbiar di negara ini tidak membimbangkan kerana ia hanya melibatkan jumlah kecil iaitu 9.8 peratus daripada 4,771 koperasi sedia ada.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, kebanyakan koperasi tersebut menjadi terbiar selepas mencapai matlamat penubuhannya atau sudah tidak lagi relevan dengan keadaan semasa.

“Saya juga tidak nafikan hasrat ada koperasi yang wujud hanya untuk memberi pinjaman semata-mata seperti main kutu dan sebagainya dan apabila tidak

lagi mendapat sambutan maka ia terbiar,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar sempena pelancaran Hari Koperasi Negara dan Ekspo Keusahawanan Koperasi 2006 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Seri Kemangan dekat sini hari ini.

Mengikut statistik, negara kini mempunyai sebanyak 4,771 koperasi dengan anggota berjumlah 5.68 juta orang, syer atau yuran sebanyak RM6.84 bilion dan aset bernilai RM34.86 bilion.

Mohamed Khaled berkata, pada masa ini kementerian akan memberi fokus kepada koperasi-koperasi

berdaya maju, agar ia tidak terabai.

Kata beliau, kementeriannya melalui Jabatan Pembangunan Koperasi akan membantu pemulihan mana-mana koperasi yang dikenal pasti berpotensi dan mempunyai matlamat jelas.

Ini ujarinya, selaras dengan matlamat memperkakan sektor koperasi dan menjadikan ia sektor ketiga terpenting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau menambah, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), kementerian bercadang mewujudkan 800 koperasi baru dan memantapkan 600

koperasi sedia ada.

Dalam pada itu, Koperasi Kakitangan Petronas Berhad diumumkan sebagai penerima Anugerah Koperasi Negara 2006.

Sebanyak 17 anugerah yang terbahagi kepada empat kategori disediakan sempena Hari Koperasi Negara 2006.

Antara penerima lain ialah Datuk Mat Rejab Kassim yang memenangi Anugerah Kepimpinan Koperasi, Koperasi Peneroka Felda Sungai Sayong Berhad (Anugerah Khas Mengikut Kumpulan Sasar) dan Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Melaka Berhad (Anugerah Khas Mengikut Fungsi dan Aktiviti).